

07 OCT 2001

MTUC-Anuiti

PENCARUM SKIM ANUITI PERLU DIBAYAR DIVIDEN

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Syarikat insurans dan takaful yang mengendalikan skim anuiti bagi anggota Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) perlu membayar dividen kepada peserta skim itu walaupun selepas kerajaan memutuskan supaya KWSP sendiri menguruskan skim berkenaan.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak berkata syarikat insurans dan takaful terbabit telah menerima RM5 bilion daripada peserta skim anuiti sejak ia diperkenalkan 1 Jul tahun lepas.

"Oleh kerana skim ini berjalan setahun dua bulan dan ketika skim ini digantung, kita yakin mereka telah melaburkan wang ini dalam pasaran atau pun harta, maka mereka telah mempunyai keuntungan," katanya di sini hari ini.

"Ketika mereka (syarikat insurans dan takaful) memasarkan produk ini, mereka telah berjanji keuntungan daripada pelaburan akan dibayar kepada pembeli inuiti," katanya.

Selain dividen, Zainal yang juga anggota Lembaga KWSP mahu syarikat insurans dan takaful itu mengisytiharkan keuntungan yang diperolehi hasil pelaburan menggunakan wang pencarum KWSP.

Enam syarikat itu ialah Malaysia Assurance Alliance Bhd, John Hancock Life Insurans Malaysia Bhd, Mayban Life Assurance Bhd, Malaysia National Insurance Bhd, MCIS Insurance Bhd dan Hong Leong Assurance Bhd.

Manakala syarikat takaful yang mengendalikan skim anuiti itu ialah Takaful Nasional Sdn Bhd dan Syarikat Takaful Malaysia Bhd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis jamuan ulang tahun ke-50 KWSP pada Jumaat lepas mengumumkan bahawa skim anuiti itu akan diuruskan sendiri oleh KWSP.

Skim anuiti diperkenalkan dengan tujuan menjamin pendapatan bulanan seumur hidup kepada pesara, bagaimanapun ia digantung pada Mei lepas berikutan bantahan banyak pihak termasuk MTUC yang mendakwa skim itu tidak menguntungkan pencarum.

Zainal juga mengulangi pendirian MTUC membantah cadangan syarikat insurans berkenaan yang mahu mengenakan caj perkhidmatan sehingga 7.5 peratus terhadap pencarum KWSP yang mahu keluar daripada skim itu.

"Kami akan meminta nasihat perundangan samada menyalahi undang-undang sekiranya pemotongan dibuat tanpa kebenaran dari pekerja," katanya.

Pada awal pelaksanaan skim anuiti, syarikat insurans dan takaful itu berjanji akan hanya mengenakan RM50 sahaja sebagai bayaran perkhidmatan jika pencarum ingin kembali kepada KWSP.

-- BERNAMA

AN RZS MOZ